

KHUTBAH JUMAAT

“OPTIMIS MENGHADAPI CABARAN KEHIDUPAN” (2 Ogos 2024M/ 27 Muharam 1446H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat seperti berbual-bual dan menggunakan telefon. Oleh itu, marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk : **“Optimis Menghadapi Cabaran Kehidupan”**.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Optimis adalah sikap selalu menaruh harapan baik terhadap sesuatu perkembangan, kemungkinan atau sebagainya. Optimis

seorang yang beriman bukan sekadar pandangan positif, malah didasari dengan sangkaan baik dan keyakinan yang kukuh terhadap kebijaksanaan Allah *subhanahu wata'ala*, kehendak-Nya dan janji-janji-Nya yang tidak terhitung banyaknya. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Syarh, ayat 5-6 :

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا (٥) إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا (٦)

Maksudnya: *Maka (yakintlah) bahawa sesungguhnya bersama kesukaran pasti ada kemudahan. (Sekali lagi ditegaskan) bahawa sesungguhnya bersama kesukaran pasti ada kemudahan.*

Ayat tadi mengandungi pesanan kepada insan yang beriman dalam menghadapi musibah, ujian, cabaran dan segala kesulitan. Jelas, bahawa Allah *subhanahu wata'ala* menjamin bagi setiap kesulitan pasti disusuli dengan kemudahan. Oleh itu, jangan mudah berputus asa, bahkan kita perlu terus optimis dalam menghadapi pancaroba kehidupan. Sikap optimis mencerminkan keyakinan bahawa hanya Allah *subhanahu wata'ala* Maha Mengetahui, Maha Bijaksana dan Maha Berkuasa. Setiap yang terjadi pasti membawa hikmah yang besar buat hamba-hamba-Nya. Yakintlah bahawa Allah *subhanahu wata'ala* telah menyiapkan kemudahan dan jalan keluar untuk insan yang sabar, bersyukur lagi berserah diri kepada-Nya.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kehidupan di dunia ini adalah medan ujian. Kita diuji dengan senang atau susah, dengan nikmat atau musibah. Berbahagialah insan yang sentiasa positif dalam apa juga situasi yang dihadapi.

Inilah orang yang optimis dengan sifat syukur dan sabar. Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* memuji mereka di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Suhayb bin Sinan *radiallahu anhu* bahawa baginda *subhanahu wata'ala* bersabda:

((عَجَبًا لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ، إِنَّ أَمْرَهُ كُلَّهُ خَيْرٌ، وَلَيْسَ ذَاكَ لِأَحَدٍ إِلَّا لِلْمُؤْمِنِ،
إِنْ أَصَابَتْهُ سَرَاءٌ شَكَرَ، فَكَانَ خَيْرًا لَهُ، وَإِنْ أَصَابَتْهُ ضَرَاءٌ، صَبَرَ فَكَانَ
خَيْرًا لَهُ))

Maksudnya: Hebat sungguh perihal orang mukmin. Sungguh, semua urusannya baik dan hal itu tidak berlaku kecuali pada orang mukmin. Jika dia mendapat kesenangan dia bersyukur, maka itu baik baginya dan sekiranya dia ditimpa kesusahan dia bersabar, maka itu juga baik baginya.

Seseorang yang mengatakan "aku beriman" terkadang dia diuji dengan kekangan dan keterbatasan seperti kekurangan pemilikan, harta atau kesempitan kewangan. Pelbagai implikasi yang mungkin timbul akibat ujian daripada masalah kewangan. Antaranya tekanan mental atau perasaan sehingga menyebabkan masalah rumahtangga atau masalah sosial yang lain.

Ingatlah bahawa, walau apa pun situasinya, cabaran hidup ini adalah untuk menguji sejauh mana ketaatan kita mematuhi segala perintah Allah *subhanahu wata'ala* dan menjauhi segala larangannya. Jangan kerana masalah kewangan kita mengambil hak orang! Jangan kerana kesempitan kita mencari jalan keluar dengan cara

yang haram lagi dimurkai Allah *subhanahu wata'ala!* Jangan kerana ujian kehidupan kita bertindak di luar pedoman syariat dan merosakkan hubungan sesama insan. Bersabarlah dengan ujian yang pasti hadir di sepanjang kehidupan.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sabar dan syukur adalah dua sifat mahmudah yang dapat membantu seorang insan untuk optimis dalam kehidupan. Sesungguhnya, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* menganjurkan bacaan doa ketika ditimpa musibah agar mendapat pahala di atas musibah yang menimpa dan gantian sesuatu yang lebih baik. Imam Muslim *rahimahullah* meriwayatkan daripada Ummu Salamah *radiallahu anha* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* mengajarkannya doa ini:

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ اللَّهُمَّ أَجْرِي فِي مُصِيبَتِي وَأَخْلِفْ لِي خَيْرًا مِنْهَا

Maksudnya: *Sesungguhnya kami milik Allah subhanahu wata'ala dan kepada-Nya kami kembali. Ya Allah, berikanlah ganjaran kepadaku di atas musibah yang menimpaku dan gantikanlah untukku sesuatu yang lebih baik daripadanya.*

Manakala syukur ialah pengiktirafan seorang hamba terhadap kurniaan Tuhannya dengan pujian terhadap-Nya. Sesungguhnya, syukur itu meraih reda dan nikmat daripada Allah *subhanahu wata'ala*. Sebaliknya kufur atau tidak syukur itu mengundang murka atau azab Allah *subhanahu wata'ala*. Tahukah kita bahawa dapur Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* sering tidak berasap? Baginda

sallallahu alaihi wasallam kerap kali hanya menjamah air dan tamar demi mengalaskan perut yang lapar. Tempat tidur baginda cuma beralaskan tikar yang kasar. Renungkan pedoman Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* untuk mengharungi kehidupan dunia sebagaimana hadis riwayat Muslim *rahimahullah* daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* yang bermaksud:

((*Pandanglah orang yang berada di bawah kalian dan janganlah pandang orang yang berada di atas kalian kerana itu lebih baik agar kalian tidak mengkufuri nikmat Allah subhanahu wata'ala.*))

Tuntasnya, sabar dan syukur adalah tonggak seorang Mukmin untuk optimis mendepani hari-hari yang bakal dilalui. Sifat optimis adalah manifestasi keimanan seorang hamba terhadap Tuhannya. Setiap hari berlangsung bersama harapan, kebaikan, dan rahmat Allah *subhanahu wata'ala*. Tingkatkan kualiti ibadah dan laksanakan amanah serta tanggungjawab dengan sebaiknya. Tautkan kasih sayang dalam keluarga serta masyarakat dengan menjalinkan hubungan yang harmoni dengan keluarga, tetangga dan masyarakat. Semoga kita beroleh kejayaan serta kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sebelum mengakhiri khutbah, marilah kita bersama-sama menghayati beberapa pengajaran penting daripada khutbah yang disampaikan, antaranya:

Pertama: Ketakwaan mampu menjadikan seseorang mukmin optimis memandang dengan penuh harapan dan keyakinan bahawa setiap ujian pasti diakhiri dengan kemudahan, ganjaran pahala atau kebaikan di akhirat.

Kedua: Sifat sabar dan syukur merupakan dua sifat terpuji yang sangat dianjurkan Islam di mana keduanya memainkan peranan penting membantu seseorang Mukmin optimis meskipun berada dalam situasi sulit.

Ketiga: Kejayaan sebenar seorang Mukmin adalah apabila dia dapat melazimi dua watak hamba Allah yang sejati iaitu bersabar dan bersyukur.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Shura, ayat 20:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
مَنْ كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ الْآخِرَةِ نَزِدْ لَهُ فِي حَرْثِهِ ۖ وَمَنْ كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ
الدُّنْيَا نُؤْتِهِ مِنْهَا وَمَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ نَصِيبٍ (٢٠)

Maksudnya : *Sesiapa yang mahukan (dengan amalnya) faedah di akhirat, Kami akan memberinya tambahan pada faedah yang diinginkan dan sesiapa yang mahukan habuan dunia semata-mata, Kami beri kepadanya dari dunia itu (sekadar yang Kami tentukan), dan dia tidak akan beroleh suatu bahagian pun di akhirat kelak.*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada kesempatan ini, khatib menyeru agar kita semua sentiasa mengambil langkah yang sewajarnya terhadap impak cuaca yang mungkin melanda seperti cuaca kering, jerebu, kebakaran hutan dan penyusutan paras air empangan yang disebabkan oleh musim Monsun Barat Daya yang akan berterusan sehingga September 2024. Justeru, patuhilah arahan yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa dari semasa ke semasa.

Khatib juga menyeru agar kita terus mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah yang ganjarannya amat besar sehingga 27 kali ganda berbanding solat secara bersendirian. Selain itu, pastikan makanan yang diambil adalah yang diyakini halal lagi baik agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan

Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan dadah. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ
يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.